

'Gaji baru lumayan untuk semua'

Panduan bagi swasta: Mahathir

Oleh RUHANIE AHMAD

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, kenaikan gaji kakitangan Kerajaan seharusnya menjadi 'garis panduan' sektor swasta bagi menentukan skim gaji pekerja-pekerja mereka pula.

Sambil mengumumkan draf skim gaji baru kakitangan kerajaan awam telah diterima dan diluluskan oleh Kabinet, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Kita berharap sektor swasta yang membayar gaji agak kurang selaras dengan keadaan ekonomi negara sekarang, akan menjadikan skim gaji baru Kabinet sebagai garis panduan dalam menentukan gaji pekerja-pekerja mereka.

"Kerajaan tidak boleh memaksa sesuatu syarikat swasta mematuhi sesuatu kadar bayaran gaji pekerjaanya, tetapi kami berharap mereka akan menentukan gaji pekerjaanya berdasarkan skim gaji Kabinet ini, sekiranya difikirkan wajar."

Timbalan Perdana Menteri menyatakan demikian kepada wartawan sesudah menerima kunjungan delegasi perdagangan Arab Saudi pimpinan Encik Ismail Abu Dawood, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini petang tadi.

Menjelaskan tanggungjawab baru itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, faedah-faedah ini akan turut dirasai oleh anggota-anggota polis dan angkatan tentera.

Tegasnya, semakan gaji yang dinamakan 'elaun perkhidmatan awam' itu akan meliputi pesara.

"Secara ikhlas saya katakan semakan atau pun kenaikan gaji kali ini adalah satu skim yang difikirkan lumayan untuk semua," katanya.

Faedahnya

Bellau menerangkan, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri telah diberi penerangan terperinci mengenai semakan gaji baru itu pagi ini. Bagaimanapun, bellau keberatan mengemukakan butir-butir kenaikan gaji itu.

Bellau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bertanggungjawab terhadap semakan gaji tersebut, menegaskan pihaknya akan bermesyuarat dengan Jawatankuasa Kebangsaan Bersama yang mewakili beberapa kesatuan sekerja sektor awam pada 29 Mei ini.

Ketika ditanya berapakah jumlah kenaikan gaji tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu ia melibatkan wang yang besar dan setiap mereka yang menerima bayaran dari tabung negara akan menerima faedahnya.

Ini bermakna pesara serta mereka yang tidak mengikuti skim gaji Kabinet beberapa tahun lalu juga diberi pertimbangan dalam semakan tersebut.

Mengenai bayaran elaun khas bulanan, Timbalan Perdana Menteri menerangkan elaun tersebut bukanlah khusus untuk membantu kakitangan awam menempuh kemerosotan ekonomi dunia.

Elaun yang akan dikenali sebagai elaun perkhidmatan awam itu sebenarnya merangkumi segala aspek perbelanjaan seperti membeli pakaian yang seccok dengan jawatan seseorang pegawai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11829
No. Penermaan 3142/87